



INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUANTAN, PAHANG

NOTIS PEROLEHAN TERUS

Perolehan Terus adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang mempunyai;

- 1) Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB. Gred G1. Kategori ME. Pengkhususan E11
- 2) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang belum tamat tempoh.
- 3) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan (PPK)

TAJUK PEROLEHAN TERUS DAN NO. DOKUMEN PEROLEHAN	TARIKH NOTIS	TARIKH & WAKTU LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN MASA TUTUP	LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN
ILP.KTN/PT/01/2024 KERJA-KERJA SENGARAAN ELEKTRIK BAGI LAMPU BILIK, KIPAS DAN LAMPU KAWASAN DI ANJUNG ILP MUADZAM SHAH, PAHANG	<u>28 JUN 2024</u> (KHAMIS)	<u>02 JUL 2024</u> (SELASA) 10.00 PAGI <u>LOKASI LAWATAN TAPAK:</u> ANJUNG ILP MUADZAM SHAH	<u>05 JUL 2024</u> (JUMAAT) 12.00 TGH	PETI SEBUTHARGA INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUANTAN, LOT 10 KAWASAN PERINDUSTRIAN GEBENG, 26080 KUANTAN, PAHANG

HANYA PENAMA YANG TERTERA DALAM SIJIL CIDB SAHAJA DITERIMA

Syarikat perlu menyertakan salinan sijil yang masih sah semasa hadir lawatan tapak;

Salinan sijil yang disenaraikan di atas dan dokumen skop kerja yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditulis pada sudut sebelah atas kirinya dengan perkataan **ILP.KTN/PT/01/2024** dan hendaklah dihantar **pada atau sebelum** tarikh dan masa yang dinyatakan di atas.

Pihak ILP KUANTAN tidak tertakluk untuk memberi tawaran kepada perolehan terus yang terendah atau mana-mana tawaran.

SENARAI SEMAK PEROLEHAN TERUS

NO. DOKUMEN PEROLEHAN TERUS : ILP.KTN/PT/01/2024

**TAJUK: PEROLEHAN TERUS BAGI KERJA-KERJA SENGGARAAN ELEKTRIK
BAGI LAMPU BILIK, KIPAS DAN LAMPU KAWASAN
DI ANJUNG ILP MUADZAM SHAH, PAHANG**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh JK Pembuka
1	ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA		
2	JADUAL HARGA		
3	Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB. Gred G1. Kategori ME. Pengkhususan E11		
4	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang belum tamat tempoh.		
5	Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor Tempatan (PPK)		
6			

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Syarikat :</p>	<p>Saya mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>

NO. DOKUMEN PEROLEHAN TERUS : ILP.KTN/PT/012024

PEROLEHAN TERUS BAGI KERJA-KERJA SENGGAARAN ELEKTRIK BAGI LAMPU BILIK, KIPAS DAN LAMPU KAWASAN DI ANJUNG ILP MUADZAM SHAH, PAHANG

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN PEROLEHAN TERUS

1.1 Penyediaan Perolehan Terus

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Syarikat hendaklah menulis harga pada setiap ruang yang di tetapkan di dalam Jadual Harga.
- (b) Setiap penyebutharga dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran perolehan terus sahaja bagi setiap item. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan
- (c) Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Syarikat hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

1.2 Penyerahan Dokumen Perolehan Terus

- (a) Jika dokumen perolehan terus tidak diserahkan dengan tangan, penyebutharga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.

Peti Sebutharga,
Institut Latihan Perindustrian Kuantan,
Lot 10, Kawasan Perindustrian Gebeng,
26080 Kuantan, Pahang

- (b) Perolehan terus yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

1.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen perolehan terus yang tidak jelas atau bercanggah, Syarikat boleh menghubungi pihak ILP KUANTAN untuk penjelasan lanjut.

2. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **6 MINGGU SELEPAS TANDATANGAN SURAT AKUAN PENERIMAAN TAWARAN.**

3. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA/PEROLEHAN TERUS KERJA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

3.1 Kehendak Am

Spesifikasi kerja ini hendaklah dibaca dan difahami supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan sempurna dan mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Inden.

3.2 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Pihak Kontraktor dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

3.3 Skop Kerja

- (a) Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja dan semua peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan semua skop kerja yang dinyatakan di dalam jadual teknikal / jadual harga. Kontraktor adalah bertanggungjawab dengan perbelanjaan sendiri ke atas risiko pada semua kerja, bahan, buruh, peralatan, mesin-mesin, jentera pengangkutan dan lain-lain perkara yang perlu untuk kerja-kerja senggaraan ini serta kerja-kerja yang berkaitan.
- (b) Kontraktor diminta menyediakan pekerja yang kompeten (mempunyai pentauliahan di dalam kategori yang sesuai di bawah Suruhanjaya Tenaga) semasa melaksanakan kerja-kerja elektrik.

3.4 Harga Indikatif Jabatan

Harga Indikatif Jabatan bagi perolehan terus ini adalah **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja (RM50,000.00)**. Walaubagaimanapun, pihak kerajaan adalah tidak bertanggungjawab terhadap ketidaktepatan harga ini dan penyebut harga bebas dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengemukakan harga masing-masing

3.5 Kerosakan Kepada Harta Benda

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh alat-alat, mesin-mesin, lori-lori atau pekerja-pekerja ke atas mana-mana harta, tumbuh-tumbuhan atau pokok kepunyaan Institut atau pengguna dan sebagainya dan hendaklah menyelenggara dan membaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh Pegawai Inden atau sebaliknya dan hendaklah menanggung kos pembaikan tersebut.

3.6 Alat-alat Dan Mesin-mesin Kontraktor.

Semua alat-alat dan mesin-mesin kontraktor yang digunakan hendaklah dari jenis, saiz dan corak bekerja yang bersesuaian dengan jenis, corak dan keadaan tapak di mana kerja-kerja akan dijalankan. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan semua mesin dan lain-lain kelengkapan kepunyaan kontraktor yang perlu untuk kerja dalam kontrak ini.

3.7 Penyelia/Pengawas Kerja

Kontraktor hendaklah mengadakan seorang penyelia kerja di tapak kerja setiap masa bekerja. Ini adalah bagi memudahkan Pegawai Inden memberi arahan atau pun teguran berhubung dengan mutu kerja berkenaan.

3.8 Kebersihan Dan Keselamatan Tapak Kerja

Tapak kerja hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa. Langkah - langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda petunjuk/ amaran hendaklah sentiasa diadakan bagi mencegah apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku dan membahayakan orang awam dan pekerja pejabat.

3.9 Bersedia Untuk Dihubungi

Alamat, Nombor Telefon. Kontraktor adalah dikehendaki memberi alamat, nombor telefon atau apa-apa jenis perhubungan yang boleh dihubungi pada bila-bila masa. Oleh yang demikian kontraktor hendaklah sentiasa bersedia untuk menjalankan kerja-kerja apabila dihubungi.

3.10 Kawalan Dan Papan Tanda Lalulintas / Amaran

Kawalan dan papan tanda lalulintas/amaran yang bersesuaian hendaklah disediakan oleh kontraktor semasa menjalankan kerja-kerja yang memerlukan penutupan jalan sebahagian atau sepenuhnya demi untuk keselamatan awam. Segala urusan memohon kebenaran penutupan jalan dari pihak yang berkenaan adalah tanggungjawab kontraktor.

3.11 Pengawalan Dan Pendaftaran Pekerja Di Tapak

Kontraktor adalah bertanggungjawab mengawal semua pekerjaanya di dalam kawasan tapak kerja dan sekitarnya bagi mengelak dari sebarang perkara yang boleh menyalahi Undang-Undang Kerajaan. Kontraktor perlu menyenaraikan semua butiran pekerja di tapak dan diserahkan kepada pihak.

3.12 Kerja-kerja Yang Tidak Disiapkan

Jika kontraktor tidak menyiapkan kerja mengikut penentuan kerja atau mengikut jadual, tindakan-tindakan seperti berikut akan diambil ke atas kontraktor mengikut syarat-syarat berikut:

Denda lewat	Peratusan LAD = PR setahun /365 hari Di mana: PR setahun = 'Prime Rate' yang dikeluarkan oleh mana-mana bank perdagangan. Contoh Perkiraan: PR = katakan 10.0% setahun Peratusan denda ganti rugi = 10% / 365 hari = 0.0273% sehari Kadar LAD sehari = (0.0273% x nilai kontrak)
-------------	---

4. ARAHAN TAMBAHAN :

- a) Kontraktor hendaklah membuat penilaian sendiri terhadap item yang berkenaan. Kontraktor dikehendaki melakukan pengukuran dan pengiraan sendiri yang berkaitan dengan kerja – kerja yang terlibat.
- b) Kontraktor yang berjaya dikehendaki membekalkan catalog / sampel produk apabila dipohon oleh pihak ILP KUANTAN.
- c) Kontraktor mestilah memastikan kerja – kerja pembersihan kawasan dari bahan yang tidak digunakan dan segala kotoran di kawasan yang berkaitan hendaklah dibawa keluar dari kawasan INSTITUT ke tempat yang dibenarkan oleh PBT SETEMPAT (DILARANG MEMBUANG SISA BAHAN BINAAN KE DALAM TONG SAMPAH INSTITUT)
- d) Segala kos bagi kerja – kerja membaik pulih kerosakan yang berpunca daripada kerja-kerja pengubahsuaian atau naiktaraf adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak kontraktor yang terlibat.
- e) Pihak kontraktor hendaklah memastikan pematuhan keselamatan di tempat kerja dipatuhi. Pihak INSTITUT berhak untuk memberhentikan kerja jika prosedur keselamatan dan kebersihan tidak dipatuhi.
- f) Pihak kontraktor perlu menyediakan **Surat Akuan Siap Kerja dan Jaminan Selama 1 Tahun setelah kerja diselesaikan.**

Tarikh :

.....

Tandatangan/cop syarikat